

25/09/2002

Tindakan rakyat Indonesia keterlaluan

Darwin Mahyuni

PERISTIWA yang berlaku terhadap 19 rakyat Malaysia yang ditahan Polis Republik Indonesia (Polri), ketika berada di pusat hiburan sebuah hotel di Danau Toba, Medan baru-baru ini, amat memeranjatkan.

Alasan ditahan kerana tidak membawa pasport ketika pemeriksaan dilakukan adalah tidak tepat. Ini kerana menjadi kebiasaan tetamu sebuah hotel tidak diperlukan membawa pasport ketika berada dalam premis hotel berkenaan.

Malah kebanyakan tetamu hotel menyimpan pasport masing-masing dalam 'peti keselamatan' yang disediakan oleh pihak hotel. Jadi, alasan mereka tidak punya pasport ketika itu adalah tuduhan amat berat.

Malaysia-Indonesia, bukan saja terkenal sebagai negara jiran, malah boleh dianggap sebagai abang adik dalam hidup berkeluarga sejak ratusan tahun lagi. Ini dapat dilihat apabila wujud pelbagai etnik rumpun Melayu di Semenanjung seperti Jawa, Banjar, Bugis, Minangkabau, Aceh, Batu Bara, Batak dan Mendailing.

Tidak juga keterlaluan jika menoleh kepada sejarah silam, mengikut adat dan kesopanan serta resam rumpun Melayu, Melayu Semenanjung amat memandang mulia kepada masyarakat Melayu Indonesia tanpa berat hati. Malah, dengan penuh ikhlas mengaku bahawa Melayu Indonesia adalah abang kepada Melayu di Semenanjung.

Bagaimanapun, sejarah penjajahan Inggeris dan Belanda menjadikan kedua-dua tanah pusaka rumpun Melayu mengikut acuan berbeza yang disediakan oleh Inggeris dan Belanda. Pada permulaan perjuangan mendapatkan kemerdekaan Indonesia daripada Belanda, ada juga Melayu Semenanjung yang bukan saja bersimpati, malah turut berjuang sama.

Kemerdekaan Indonesia pada 17 Ogos 1945 sedikit-sebanyak meniupkan semangat perjuangan ingin turut membebaskan diri daripada penjajahan Inggeris di kalangan orang Melayu di Semenanjung.

Dan pada ketika itu Sang Saka Merah Putih sudah berkibar megah di angkasa menerobosi tujuh samudera manakala Melayu di Semenanjung Tanah Melayu masih dalam usaha ke arah mendapatkan kemerdekaan. Namun, kita tetap menghormati Indonesia sebagai abang kandung yang perlu ditiru semangatnya.

Keadaan kian berlalu dan kemerdekaan memberi erti tersendiri kepada rakyat Indonesia dan Semenanjung Tanah Melayu (sekarang Malaysia). Indonesia terus membangun dengan semangat revolusi sepanjang tahun 1960-an hingga 1980-an dengan pencapaian ekonomi yang mantap, terutama di sektor pelancongan.

Hal demikian menjadi pengajaran kepada rakyat dan negara Malaysia dalam membangun kemerdekaannya. Namun, sebagaimana yang dikatakan, Malaysia mengikut acuan berbeza daripada Indonesia yang disediakan oleh Belanda menerusi revolusi manakala Malaysia mendapat kemerdekaan menerusi demokrasi.

Dua perbezaan ini pada mata kasar tiada tampak kesannya tetapi apabila dikaji secara mendalam, ia amat meninggalkan kesan yang pedih untuk diakui oleh kedua-dua pihak. Jurang perbezaannya seperti langit dan bumi.

Menerusi acuan demokrasi, Malaysia membangun rakyat dan negaranya secara berhitung dan berhati-hati di samping mempelajari apa yang berlaku ke atas negara yang telah lebih dahulu merdeka. Sebagai saudara kandung, pastinya Malaysia mencontohi Indonesia dalam konsep yang berbeza.

Waktu berjalan terus kerana masa tidak pernah menunggu sesiapa. Begitu juga pemimpin datang dan pergi. Berapa ramaikah pemimpin Malaysia dan

Indonesia datang dan pergi selepas masing-masing mencapai kemerdekaan? Hanya sejarah sahaja yang mencatat segala-galanya.

Mereka datang dengan visi masing-masing, terutama pemimpin Malaysia yang mahu bukan sahaja negara mencapai kemerdekaan tetapi pengisian kemerdekaan itu dikira lebih pedih daripada mendapatkannya.

Sehubungan itu, pemimpin selepas Tunku Abdul Rahman Putra, Tun Abdul Razak Hussein, Tun Hussein Onn dan kini dipegang oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mahu mengisi kemerdekaan dengan kehidupan yang bahagia, selesa, aman dan makmur di kalangan rakyatnya.

Dari segi kemanusiaan, semasa Malaysia sedang membangun segala prasarana termasuk pembinaan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), sektor pembinaan, perumahan, perkhidmatan dan perladangan memerlukan tenaga kerja yang banyak dan tidak dapat ditampung oleh rakyat tempatan, lantas membuka pintu kepada masyarakat antarabangsa.

Sebagai saudara kandung, Malaysia tidak lupa kepada Indonesia yang memang sudah dikenali selaku 'abang', memberikan peluang pekerjaan kepada rakyat Indonesia dalam pelbagai sektor sehingga mencecah jumlah ratusan ribu orang.

Mereka berjaya mengatasi masalah kehidupan harian dengan bantuan pekerjaan di Malaysia serta dapat mengirim wang setiap bulan untuk menyara keluarga masing-masing di Indonesia.

Keadaan itu secara langsung atau tidak, Malaysia memberi bantuan bukan sahaja kepada pendapatan individu tetapi negara di samping banyak syarikat Malaysia melabur di Indonesia, khususnya di sektor perladangan seperti di Sumatera dan Kalimantan yang tidak kurang turut membantu pembangunan dan ekonomi Indonesia.

Tetapi hakikatnya bukannya apabila sesuatu kerja itu selesai, tenaga kerja tidak diperlukan lagi dan sebahagian daripada mereka perlu kembali ke tanah air masing-masing. Kerana tiada majikan di mana juga di dunia ini sanggup membayar gaji kepada pekerja yang tidak lagi ada pekerjaan.

Kerana itu pekerja berkenaan perlu pulang ke tempat masing-masing. Meskipun demikian, Malaysia tidak sezalim yang didakwa kerana mengenakan hukuman penjara dan sebat ke atas pendatang tanpa izin selepas 1 Ogos lalu. Hal demikian amat jelas dan perlu difahami bukan saja oleh mereka yang berkenaan tetapi juga Indonesia sebagai negara yang merdeka dan berdaulat.

Hukuman itu adalah suatu daripada undang-undang yang diluluskan Parlimen Malaysia bagi mengatasi masalah pendatang tanpa izin kerana jumlah mereka yang semakin bertambah dan bukan saja menjadi beban kepada pemerintah Malaysia tetapi mendatangkan masalah sosial yang perlu ditangani bagi menjaga keharmonian, kemakmuran dan keselamatan rakyat dan negara.

Malaysia mengenakan hukuman itu hanya kepada mereka yang didapati bersalah oleh mahkamah. Justeru, Malaysia sebagai negara merdeka, berdaulat dan berperlembagaan perlu juga dihormati dan berharap tidak siapa pun menyelewengkan fakta kebenaran itu.

Malaysia tidak pernah menolak sesiapa juga untuk bekerja di negara ini mengikut kepakaran dan keperluan tetapi kehadiran mereka mesti mengikut prosedur dan bukan menyusup masuk sesuka hati.

Sentimen anti-Malaysia bukan saja dengan mengadakan demonstrasi di hadapan bangunan Kedutaan Besar Malaysia di Jakarta tetapi juga membakar Jalur Gemilang adalah suatu hal di luar peradaban.

Peristiwa di Danau Toba itu, sekiranya tidak dapat diselesaikan secara damai, mungkin menimbulkan ketegangan berterusan, termasuk menjejaskan ekonomi Indonesia khususnya di sektor pelancongan.

Purata puluhan ribu rakyat Malaysia melancong ke Medan, Jakarta, Bandung, Surabaya, Lombok, Kalimantan dan Bali setahun tetapi sebarang pemulauan hanya akan menyebabkan Indonesia menerima tamparan paling hebat

dan mengakibatkan perolehan wang dari sektor itu merudum.

Bagi rakyat Malaysia, mereka mempunyai banyak pilihan destinasi pelancongan seperti Thailand, Vietnam, Hong Kong, Kemboja, Myanmar dan China yang mempunyai nilai mata wang lebih kecil daripada Malaysia.

Perlakuan oleh sebahagian kecil masyarakat Jakarta dan Polri di Medan sangat mengguris perasaan rakyat Malaysia, terutama pelancong yang sering ke Indonesia semata-mata untuk berbelanja di sana.

Kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, bahawa peristiwa itu hanya dilakukan oleh sebahagian kecil daripada lebih 200 juta rakyat Indonesia, dapat menurunkan suhu kemarahan rakyat Malaysia.

Adalah wajar pemerintah Indonesia memperbaiki dan mengekang perasaan revolusi rakyatnya daripada mengambil kesempatan tindakan Malaysia mengenakan hukuman penjara dan sebat ke atas pendatang tanpa izin.

DARWIN MAHYUNI,
Sijangkang, Selangor.